

PERKAHWINAN TANPA KEBENARAN RAKYAT MALAYSIA
DI SELATAN THAILANDMohd. Nasran Mohamad^{*}

Abstrak

Perkahwinan luar negara tanpa kebenaran khususnya di Thailand yang melibatkan rakyat Malaysia semakin bertambah dari tahun ke tahun. Tinjauan awal di Pejabat Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk (NCR) di Jabatan Agama Islam Kangar, Perlis menunjukkan peningkatan mendadak permohonan untuk mendaftarkan perkahwinan tersebut. Oleh yang demikian satu kajian perlu dilakukan untuk mengenalpasti sebab-sebab terlalu ramai pasangan Islam di Malaysia berkahwin di Selatan Thailand, khususnya di negeri-negeri yang bersempadan iaitu Kedah, Perlis, Perak dan Kelantan. Kajian juga perlu dilakukan bagi mengkaji kelemahan-kelemahan yang mungkin wujud dalam Enakmen dan Akta Undang-undang Keluarga Islam di negeri-negeri di Malaysia. Terdapat dua kes yang berbeza berhubung dengan perkahwinan ini. Pertama, sekiranya nikah tersebut dilakukan oleh pihak berkuasa Agama yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia, maka permohonan boleh dilakukan di Pejabat Agama Daerah terdekat dalam tempoh enam bulan dari perkahwinan bagi mendapatkan pengesahan dan mendaftarkan perkahwinan berkenaan. Kes pertama ini menjadi fokus utama penulis untuk dibuat kajian. Kedua, perkahwinan yang melibatkan jurunikah yang tidak bertauliah ataupun nikah sindiket. Kes kedua ini tidak menjadi pilihan penulis kerana ia dijalankan secara tersembunyi dan sukar dikesan.

Abstract

Unpermission Outbound Marriages in Southern Part of Thailand which involve Malaysian Muslim citizens are arising every year. A pilot study made at Nikah, Cerai and Rujuk Unit at the Department of Islamic Affairs in Kangar showed a high rate of application to register such marriage. Hence, special research should be organized in order to identify the reasons why there are so many Malaysian Muslims, especially from the northern states of Malaysia came to Thailand to get married, and also the lack of rules which might be exist in provisions of Islamic Religious Enactments in Malaysia. In fact, there are two different type of cases regarding this marriage. If the marriage concern solemnized at the designated place and recognized by the government of Malaysia, then their applications to register their marriages are permissible within six months. A fine would be incurred of being married without permission of the Islamic Affairs Department. Second, 'marriage syndicate' which be held by unauthorised syndicate and mostly

^{*} Prof. Madya, Dr. dan pensyarah Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan, Malaysia.

operate their activities at Malaysia Thailand border. The former, is the researchers' choice to study rather than the later due to that marriages operate secretly and very hard to detect.

PENDAHULUAN

Isu kahwin tanpa kebenaran pihak berkuasa Agama Malaysia di kalangan rakyatnya di Selatan Thailand atau kahwin lari ini bukanlah satu perkara baru, ianya telah lama berlaku. Walau bagaimanapun isu ini mula heboh diperkatakan bila disiarkan di dada-dada akhbar dan media elektronik. Keadaan ini dalam setengah keadaan menjadi dorongan dan peluang yang baik pula kepada setengah golongan yang tidak mengetahui mengenai perkahwinan ini, cuba untuk melakukannya dengan pasangan masing-masing. Suatu ketika dahulu, masyarakat Melayu sangat mengambil berat tentang hukum-hakam dalam urusan perkahwinan mereka. Mereka berjumpa guru agama dan imam (juru nikah) mukim terlebih dahulu sebelum menetapkan hari yang sesuai untuk akad nikah, kenduri kahwin dan sebagainya. Tetapi pada hari ini, ramai di kalangan masyarakat membelakangkan amalan ini. Malah sebahagiannya secara tiba-tiba dan diam sahaja sudah menjadi suami isteri. Menurut Yahya Muhammad Bakusyi (1986, 380) perkahwinan jenis ini dikenali sebagai *nikah al-sirri*. Imam Malik berpendapat, jika saksi dalam perkahwinan ini diminta untuk merahsiakan perkahwinan ini, ia akan memberi kesan negatif kepada perkahwinan berkenaan. Ini adalah kerana peranan saksi dalam perkahwinan ialah untuk menghebohkan sesebuah perkahwinan (Mahmud Shaltut 1983, 269).

Dalam Syariah Islam, perkahwinan secara diam-diam ini adalah dilarang (makruh). Abdullah bin Utbah berkata bahawa seburuk-buruk perkahwinan adalah perkahwinan *sirri* (diam-diam) . Ini adalah kerana jika berlaku kematian, si isteri tidak boleh menuntut pusaka kecuali adanya pengakuan saksi dan sumpah pihak isteri. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: 'sebarikanlah (umumkan) perkahwinan ini kepada orang ramai di masjid dan pukullah *dof* (gendang)' (Riwayat al-Tirmidhi daripada A'ishah RA).

Kertas ini adalah merupakan sebahagian daripada projek penyelidikan yang dijalankan ke atas pasangan Islam dari negara ini yang memohon untuk berkahwin di Majlis Agama Islam Wilayah Yala, Selatan Thailand.

DEFINISI KAHWIN TANPA KEBENARAN

Perkahwinan tanpa kebenaran atau yang dikenali di kalangan masyarakat Malaysia hari ini sebagai kahwin lari bermaksud perkahwinan yang biasanya di akadkan oleh wali Hakim serta tidak mengikut Enakmen atau Akta Undang-Undang Keluarga Islam dan tidak dipersetujui oleh wali pengantin perempuan. Perkawinan ini juga tidak mendapat kebenaran Pendaftar Nikah Cerai mukim yang berkenaan. Ia juga tidak semestinya dilakukan di luar negara yang berjiran, tetapi juga mungkin juga melalui perkahwinan sindiket yang dilakukan di daerah itu sendiri tanpa kebenaran wali dan juga pendaftar nikah cerai. (Noraini Hashim 2003, 1, lihat juga Mohd. Akhir Hj. Yaacob dan Siti Zalikah Md. Nor : 1989 : 53) Manakala Kamus Dewan (1998) mendefinisikan

kahwin lari sebagai perkahwinan (pernikahan) pasangan lelaki dan wanita (biasanya suka sama suka) yang dilakukan ditempat lain tanpa disaksikan atau direstui oleh keluarga.

Oleh yang demikian dapatlah di simpulkan bahawa perkahwinan tanpa kebenaran atau kahwin lari ini mesti mempunyai unsur-unsur berikut ;

- (a) Tidak mengikut Enakmen atau Akta Undang-Undang Keluarga Islam
- (b) Tanpa kebenaran Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk mukim terbabit.
- (c) Tidak semestinya berlaku di luar negara

Walau bagaimanapun penyelidik ingin menjelaskan definisi yang dikemukakan oleh Kamus Dewan di mana frasa *tanpa disaksikan* itu bermaksud tiada ahli keluarga yang menghadiri perkahwinan tersebut. Ini adalah kerana penyaksian saksi dalam akad nikah adalah rukun dan mesti ada dalam akad nikah.

KEDUDUKAN DARI SUDUT SYARIAH

Apabila perkahwinan tanpa kebenaran ini berlaku beberapa masalah berkaitan dengan hukum perkahwinan tersebut akan timbul. Antaranya;

(a) Samasa jarak di antara tempat wali berada dan tempat akad nikah itu mencukupi jarak yang dibenarkan sembahyang *qasar* (lebih kurang 96 KM). Jika jarak tersebut kurang dari dua marhalah, perkahwinan tersebut tidak sah.

(b) Semasa perempuan itu melarikan diri untuk berkahwin di negara jiran, berlaku kes di mana bapanya telah mengahunkan anaknya dengan lelaki lain semasa ketiadaannya dengan menggunakan kuasa wali *mujbir*. Mengikut hukum syarak, seorang bapa boleh menikahkan anak perempuannya yang masih dara tanpa mendapat keizinan anaknya terlebih dahulu dengan syarat pasangan lelaki itu sekufu atau setaraf dengannya serta mampu membayar mahar. Jika perempuan berkenaan berkahwin pula dengan pasangannya yang lain di negara jiran, maka perkahwinan yang kedua ini adalah tidak sah dan batal.

(c) Perkahwinan sindiket. Oleh kerana pasangan Islam terlalu sangat mencari jalan mudah untuk berkahwin, kesempatan ini diambil oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mencari keuntungan. Justeru, berlakulah perkahwinan secara tangkap muat yang berlaku di dalam van, bawah pokok dan tempat tempat lain yang sememangnya tidak diiktiraf oleh mana-mana Majlis Agama Islam di Selatan Thailand. Perkahwinan ini dihukumkan tidak sah dalam Islam. Pihak yang menganjurkan perkahwinan ini tidak peduli tentang syarat-syarat ketat yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam di Selatan Thailand seperti perempuan itu bukan isteri orang, tidak dalam idah dan sebagainya.

(d) Dari hasil soal selidik, kebanyakan pasangan yang berkahwin di Wilayah Yala ini berwalikan Hakim (Wali Am mengikut panggilan di Yala). Persoalan yang timbul adakah perempuan yang **sengaja** lari meninggalkan walinya boleh di anggap atau di kira sebaga wali hilang atau ghaib? Dalam keadaan biasa menurut sebahagian ahli fiqh (al-Nawawi 1994, 157) seorang perempuan yang walinya ghaib (berjauhan) dalam jarak dua marhalah dan tidak

mewakikan kepada sesiapa untuk mengahwinkan anak perempuannya, maka Sultan atau wakilnya akan mengahwinkannya ia itu Sultan di Negerinya bukan negeri yang lain. Justeru dalam masalah ini, perbuatan sengaja melarikan diri dari wali (*taghayyub*) perlu kepada kajian mendalam di kalangan ulama fiqh bagi menangani masalah ini. Buat masa sekarang, di Malaysia Enakmen dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam menganggap perkahwinan tersebut adalah sah kerana melebihi jarak dua marhalah.

Perkara yang serupa telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Kelantan (Himpunan Fatwa Mufti Kerajaan Kelantan, hal. 118) dan Johor (Fatwa-Fatwa Mufti Kerajaan Johor, Hal. 116) pada umumnya berdasarkan kitab Bughyat al-Mustarsyidin hal. 238 telah sepakat membuat keputusan bahawa kahwin lari itu sah berdasarkan syarat-syarat berikut ;

1. Hukum kahwin lari sah, sekiranya jarak antara tempat tinggal wali nasab kepada pengantin perempuan dengan tempat dilangsungkan akad perkahwinan tersebut melalui 2 marhalah, iaitu dalam ukuran jarak melebihi 60 batu atau 96 kilometer menurut ukuran jumbuh ulama' sekarang. Lantaran itu, menurut Majlis Fatwa dan Mufti-Mufti negeri tersebut berpendapat mana-mana perkahwinan atau kahwin lari tidak sah sekiranya jarak tersebut tidak mencukupi dan perkahwinan antara mereka mestilah diadakan oleh wali nasab sekiranya wali nasab itu masih ada .

2. Pasangan pengantin lelaki tersebut adalah sekufu menurut konteks Islam dengan perempuan yang akan dikahwininya.

3. Pasangan tersebut khasnya pengantin lelaki mestilah orang yang berpegang kepada agama dan menghayati ajaran Islam.

4. Pengantin lelaki mampu untuk membelanjakan harta sendiri.

5. Pengantin lelaki mestilah cukup umur dan mukallaf

6. Waras

7. Pengantin lelaki dan perempuan mestilah cerdik.

KEDUDUKAN DARI SUDUT UNDANG-UNDANG

Maksud kedudukan dari segi undang-undang ialah kedudukan dari segi Enakmen dan Undang-Undang Keluarga Islam yang berkuatkuasa di Malaysia. Di antara implikasi kahwin lari dari sudut undang-undang ialah;

- (a) Perkahwinan jenis ini adalah salah dari segi Undang-undang Keluarga Islam dan apabila dirujuk kepada Mahkamah Syariah, maka pasangan tersebut akan didenda tidak melebihi RM 1000.00 atau 6 bulan penjara atau kedua-duanya sekali (Seksyen 40 Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan 1984, Seksyen 32(2) Enakmen Keluarga Islam Kedah 1979 dan Seksyen 100(2) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983).

- (b) Pengiktirafan oleh Enakmen dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia. Terdapat 3 kes yang berbeza tentang kahwin tanpa kebenaran ini, iaitu:

(A) Nikah yang sah dan diiktiraf oleh kerajaan Malaysia	(B) Nikah yang sah tetapi tidak diiktiraf oleh kerajaan Malaysia	(C) Nikah sindikit yang diragui kesahan nikahnya
Nikah yang cukup syarat	Nikah yang cukup syarat	Nikah yang cukup syarat
Wali Hakim di Thailand yang telah mendapat tauliah dari kerajaan Malaysia	Wali Am di Thailand yang tidak diiktiraf oleh kerajaan Malaysia.	Dilakukan oleh wali yang diragui sahnyanya, maka perkahwinan yang diragui kesahannya
Mengikut prosedur dan mematuhi undang Islam di Thailand	Tidak mengikut prosedur dan tidak mematuhi undang Islam di Thailand	Tidak mengikut undang-undang
Mendapat segala dokumen yang berkaitan	Ada dokumen tetapi tidak diperakui kesahannya	Tidak ada dokumen atau menggunakan dokumen palsu

Daripada jadual di atas, walaupun dilihat bahawa hanya bahagian A sahaja diiktiraf oleh kerajaan Malaysia, namun ia tetap menjadi kesalahan di bawah Enakmen dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam sekiranya perkahwinan berkenaan tidak mendapat kebenaran pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk negeri-negeri di Malaysia. Ketiga – tiga jenis perkahwinan di atas adalah tertakluk kepada kesalahan yang diperuntukkan oleh Enakmen dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia.

(c) Terdapat dua kes yang berbeza berkaitan perkahwinan ini. Pertama, sekiranya nikah tersebut dilakukan oleh mereka yang di tauliahkan oleh Kerajaan Malaysia (Seksyen 28 Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah persekutuan 1984) di bawah pengawasan Majlis Islam di Selatan Thailand , maka permohonan boleh di buat di Pejabat Agama Daerah terdekat dalam tempoh 6 bulan dari tempoh perkahwinan tersebut (Seksyen 31(1) Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah persekutuan 1984). Selain daripada itu mereka juga akan dihadapkan ke mahkamah dan denda akan dikenakan terhadap pasangan ini kerana berkahwin di luar negara tanpa kebenaran. Kedua, perkahwinan yang melibatkan mereka yang tidak bertauliah atau pun nikah sindiket. Perkahwinan ini merumitkan keadaan kerana kebangkalian perkahwinan ini tidak sah adalah tinggi. Apabila keadaan ini berlaku, biasanya ia akan dikendalikan oleh Unit Penguatkuasaan untuk sisasatan lanjut sebelum di bawa ke Mahkamah.

FAKTOR-FAKTOR BERLAKUNYA

PERKAHWINAN TANPA KEBENARAN

Sebahagian besar pasangan yang berkahwin di negara ini merasakan undang-undang dan peraturan yang sedia ada tidak begitu membebaskan namun kalangan kecil mereka menganggap peraturan yang ada begitu menyusahkan sehingga mereka mencari landasan lain untuk melaksanakan perkahwinan. Walaupun peraturan yang dikenakan itu tidak menjadi syarat sahnyanya perkahwinan namun pelanggaran terhadapnya menjadi kesalahan mengikut enekmen

dan akta undang-undang keluarga Islam di Malaysia. Undang-undang itu bertujuan menjadikan hidup berkeluarga penuh rasa tanggungjawab sama ada di pihak suami mahupun isteri. Antaranya ialah peraturan yang menghendaki sesuatu perkahwinan itu dilakukan di hadapan pendaftar nikah, cerai dan rujuk atau wakilnya dan perlu didaftarkan. Namun terdapat sebilangan kecil pasangan yang tidak mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh sebab-sebab tertentu. Mereka cuba mengambil jalan mudah untuk berkahwin, kerana mungkin dengan proses biasa mereka menghadapi masalah-masalah tertentu. Jadual 1 dengan menunjukkan peratus yang besar yang dari kalangan 80 pasangan responden menyatakan alasan kenapa berkahwin di Selatan Thailand.

Jadual 1 Alasan perkahwinan responden

Alasan Perkahwinan	Bilangan	Peratus
Wali Tidak Setuju	29	36.25%
Poligami	17	21.25%
Prosedur dalam negeri rumit	12	15%
Terlanjur/Hamil Luar Nikah	14	17.5%
Belanja perkahwinan tinggi	8	10%

(a) Perkahwinan tidak dipersetujui oleh wali

Faktor utama masalah ini ialah berkaitan wali dari pihak perempuan. Seramai 29 pasangan responden atau 36.25% kes kahwin tanpa kebenaran yang dilakukan di Selatan Thailand adalah disebabkan pasangan lelaki tidak mendapat persetujuan dari pihak perempuan. Ini adalah kerana wali itu sendiri sudah mempunyai pilihan yang dirasakan sesuai untuk anak perempuan mereka. Selain daripada itu wali juga menganggap pasangan lelaki pilihan anak perempuannya itu tidak sesuai dan tidak boleh menjamin masa depan anaknya. Perkara sedemikian berlaku dalam kes *Azizah Binti Mat Iwn. Mat Bin Salleh*. Dalam kes ini wali (bapa) iaitu yang kena tuntutan telah enggan untuk mawalikan perkahwinan anaknya dengan alasan anaknya belum bekerja lagi. Mahkamah memutuskan bahawa yang menuntut dibenarkan berkahwin dengan menggunakan wali Raja. Namun tidak semua orang mahu melakukan sedemikian kerana tidak mahu masalah dalam keluarga didedahkan kepada pihak awam. Jadi jalan yang paling mudah ialah berkahwin di negara jiran tanpa kebenaran pihak berkuasa Malaysia.

(b) Poligami

Jadual 2 Alasan 17 responden yang berpoligami

Alasan Poligami	Bilangan	Peratus
Prosedur poligami yang rumit	11	64.7%
Tiada Persefahaman	5	29.4%
Kecacatan pasangan (sakit/gila)	1	5.9%

Poligami merupakan faktor kedua terbanyak (17 responden atau 21.25%) yang menyebabkan pasangan bertindak melanggar peruntukan Undang-undang Keluarga Islam dengan melangsungkan perkahwinan secara kahwin lari di negara jiran. Mereka berbuat demikian dengan niat untuk merahsiakan perkahwinan mereka dari pengetahuan isteri pertama. Selain daripada itu mereka menganggap Undang-undang Keluarga Islam yang mensyaratkan lelaki yang ingin berpoligami mesti mengemukakan permohonan di mahkamah Syariah amat menyusahkan. Ini dapat dilihat dari 17 responden yang berkahwin poligami seramai 11 orang atau 64.75% berpendapat demikian. Sebagai contoh, di negeri Kelantan, apabila seseorang lelaki mengemukakan permohonan untuk berpoligami, beliau akan diperiksa oleh hakim dalam mahkamah sama ada beliau mampu atau sebaliknya.

Pemohon berkenaan juga diminta membuat pengakuan untuk berlaku adil di antara isteri-isteri serta sanggup membayar nafkah dengan secukupnya bagi isteri dan anak-anaknya. Pengakuan ini mesti disokong oleh sekurang-kurangnya dua orang saksi dan dipersetujui oleh bakal isteri kedua dan walinya.

Pemeriksaan ini dibuat tanpa kehadiran isteri pertama, tetapi isteri tersebut diberi notis oleh mahkamah untuk membuat apa-apa bantahan dan sebagainya. Mahkamah akan membuat pertimbangan yang sewajarnya dengan mengambil kira bantahan daripada pihak isteri pertama. Setelah itu mahkamah akan membuat keputusan sama ada meluluskan permohonan tersebut ataupun sebaliknya. Selain dari itu seramai 5 responden memberi alasan ketidaksefahaman dengan isteri pertama menyebabkan responden berpoligami. Manakala seorang lagi memberi alasan kesihatan atau kecacatan isteri sebagai alasan berpoligami.

(c) Prosedur perkahwinan yang terlalu ketat.

Sebahagian pasangan yang lain (ia itu seramai 12 responden atau 15%) berkahwin di negara jiran menganggap peraturan-peraturan yang dikenakan ke atas mereka begitu membebankan. Mereka terpaksa menjalani proses temuduga dan melalui kursus pra perkahwinan terlebih dahulu. Selain daripada itu jika pasangan yang berkahwin itu berlainan daerah atau negeri, perakuan daripada pendaftar nikah, cerai dan rujuk daerah atau negeri yang terbabit mesti diperolehi terlebih dahulu. Banyak borang-borang yang perlu diisi serta masa yang lama terpaksa diambil untuk membolehkan pasangan terbabit melangsungkan

perkahwinan. Prosedur ini tidak berlaku di Majlis Agama Islam di selatan Thailand. Menurut pegawai di Majlis Agama Islam Wilayah Yala, masa yang diambil hanyalah selama satu hari sebelum pasangan terbabit diakad nikahkan. Pihak perempuan hanya perlu membuktikan bahawa dia bukan isteri orang (bujang) atau jika janda, hendaklah mengemukakan surat cerai atau sijil kematian bekas suaminya.

(d) Pergaulan bebas lelaki dan perempuan/terlanjur

Kes kahwin lari juga banyak berlaku disebabkan faktor pergaulan yang bebas antara lelaki dan perempuan tanpa menghiraukan batas-batas syarak yang telah ditetapkan dalam Islam. Dari sinilah akan berlaku kes-kes khalwat, persetubuhan luar nikah dan kehamilan. Bagi menutup kes ini dari terbongkar, jalan yang paling mudah ialah segera melangsungkan perkahwinan di negara jiran. Jadual 8 dengan jelas menunjukkan seramai 14 responden atau 17.5% mengemukakan alasan ini untuk berkahwin di negara jiran.

(e) Belanja kahwin terlalu tinggi

Masalah bebankan hantaran dan mas kahwin yang terlalu tinggi juga menyumbangkan kepada ramai pasangan Islam dari Malaysia berkahwin di negara jiran. Mereka berbuat demikian sebagai jalan mudah untuk mengelak daripada terpaksa menanggung perbelanjaan besar untuk menyediakan wang hantaran dan mengadakan kenduri kahwin. Jadual 8 di atas menunjukkan seramai 8 responden atau 10% berpendapat belanja urusan perkahwinan yang terlalu tinggi mendorong mereka berkahwin di negara jiran.

PROSEDUR PERKAHWINAN DI THAILAND

Kewajipan dan tanggungjawab jurunikah di Selatan Thailand atau mana-mana tempat sama ada di dalam dan luar negara adalah untuk menikahkan mana-mana pasangan dari Malaysia sama ada perkahwinan itu direstui oleh keluarga pihak perempuan atau isteri pertama bagi mereka yang berpoligami.

Apa yang penting ialah tuntutan agama lebih diutamakan berbanding hal yang lain. Menurut Tuan Haji Ismail bin Abdul Latif al-Haree Yang Dipertua (kini bekas yang Dipertua) Majlis Islam Wilayah Yala (Temubual pada 20 Jan.2003), bahawa dakwaan sesetengah pihak di Malaysia yang menyatakan sesiapa sahaja yang ingin bernikah di Thailand boleh berbuat demikian tanpa masalah adalah tidak benar dan tidak boleh dipercayai. Ini adalah kerana Undang-undang keluarga seperti nikah, cerai dan rujuk juga sama ketatnya dengan Malaysia tetapi yang berbezanya adalah pengurusannya adalah lebih cepat dan mudah. Contohnya, prosedur pernikahan yang hendak dilaksanakan di Wilayah Yala mestilah terlebih dahulu mendapat kelulusan Majlis Agama Islam Wilayah di mana pasangan perlu mengisi borang tertentu keterangan dan pengesahan untuk bernikah.

Berikut di senaraikan prosedur-prosedur yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Yala ke atas pasangan yang hendak berkahwin:

1. Pasangan lelaki disediakan borang A-01.
2. Pasangan perempuan disediakan borang A-02.
3. Saksi disediakan borang A-03.
4. Sebelum pasangan berkenaan dikahwinkan mereka akan ditemuduga terlebih dahulu oleh pendaftar nikah kahwin sama ada perkahwinan mereka boleh diteruskan atau tidak.
5. Pihak perempuan akan disoal akan kedudukan walinya serta tempat mastautinnya sama ada cukup dua marhalah atau tidak. Jika tidak cukup pihak Majlis akan membawa kesatu tempat lain yang melepasi dua marhalah.
6. Setelah itu pasangan akan dinikahkan oleh jurunikah bertauliah dengan status mereka sebagai wali am.
7. Pihak perempuan akan disiasat sama ada mereka isteri orang atau tidak, khususnya mereka yang tidak mempunyai sebarang dokumen perceraian, surat cerai takliq, khulu, sijil kematian suami dan sebagainya.
8. Umur minimum bagi lelaki ialah 18 tahun dan perempuan 16 tahun.
9. Warga Bangladesh tidak akan dikahwinkan sama sekali dengan rakyat Malaysia kerana menghormati permintaan dari pihak berkuasa Malaysia.
10. Borang khas disediakan dan diisi oleh pasangan serta saksi dan akan disimpan oleh pihak Majlis. Pihak Majlis akan menyimpan borang berkenaan dan akan diserahkan kepada pihak berkuasa Malaysia jika diminta.

Jika terbukti pasangan terbabit memenuhi syarat-syarat dan keperluan di atas maka perkahwinan akan dilangsungkan dan satu sijil nikah akan dikeluarkan berserta surat pengesahan yang ditanda tangani oleh Yang DiPertua Majlis untuk diserahkan kepada Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk di Malaysia. Selain itu satu surat peringatan juga dikeluarkan supaya pasangan terbabit menyerahkan semua dokumen perkahwinan mereka kepada pihak pendaftar nikah, cerai dan rujuk di Malaysia.

Mengenai poligami pula, lelaki yang ingin berbuat demikian tidak akan menghadapi masalah yang rumit kerana pihaknya akan memberi lebih keutamaan kepada hukum Syarak, di mana wajib didahulukan daripada undang-undang dan peraturan. Walaupun begitu, mereka yang ingin berpoligami mesti bersumpah dengan nama Allah swt untuk bertanggungjawab terhadap segala apa yang mereka lakukan berkaitan proses tersebut. Bayaran sebanyak RM300.00 akan dikenakan (jika pihak perempuan ingin menggunakan wali am manakala RM150.00 dikenakan bagi yang mempunyai wali mujbir atau wali nasab) ke atas setiap pasangan. Surat nikah, surat pengesahan nikah dan urusan yang berkaitan dengannya akan dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Wilayah. Pada masa sekarang pasangan yang bernikah di sana boleh mendapatkan surat pengesahan nikah serta-merta berbanding sebelum tahun 1998 iaitu setahun.

Seperti mana di Malaysia, pengantin lelaki yang bernikah di Thailand mesti melafazkan taklik bagi memudahkan mereka membuat keputusan, sekiranya berlaku masalah tertentu. Hal ini membabitkan isteri yang datang untuk menuntut cerai kerana suami tidak menunaikan tanggungjawab atau suami kembali kepada isteri pertama. Manakala tempoh yang diambil untuk menikahkan pasangan, adakalanya sehari, setengah hari dan yang paling lama adalah seminggu. Situasi ini bergantung kepada proses menyiapkan dokumen pernikahan dan kelulusan Majlis Agama Islam Wilayah yang menjalankan proses pernikahan tersebut (Normala Hamzah 2001: 70-72).

PROSES UNTUK PENGESAHAN DAN PENDAFTARAN SEMULA

Perkahwinan tanpa izin yang dimaksudkan di sini ialah perkahwinan tanpa kebenaran daripada Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk daripada negeri masing-masing dan perkahwinan tanpa kebenaran daripada mahkamah bagi yang berpoligami. Terdapat kes tertentu di mana pasangan yang bernikah tanpa izin, tidak mendaftar perkahwinan mereka di Pejabat Agama yang berdekatan. Hal ini mungkin disebabkan mereka tidak mengetahui prosedurnya, dan ada juga yang tahu tetapi mendiamkan diri atas sebab-sebab yang tertentu. Berkaitan dengan soal pendaftaran semula perkahwinan tersebut, kedua-dua pasangan perlu datang ke pejabat agama untuk mendaftar semula perkahwinan mereka. Hal tersebut adalah kerana walaupun sijil nikah luar negara sah disisi Syarak, tetapi ia tidak diterima pakai oleh pejabat Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk di Malaysia.

Proses pertama yang perlu ditempuh oleh pasangan terbabit ialah, mereka harus pergi ke Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk di daerah masing-masing untuk proses pendaftaran semula. Di Negeri Kedah, mereka yang terbabit akan diminta untuk mengisi borang 9 dan tujuannya adalah untuk memastikan perkahwinan mereka sah disisi Syarak atau tidak. Sewaktu pengesahan, pasangan tersebut perlu melampirkan satu salinan sijil nikah di luar negara dan dua salinan kad pengenalan suami isteri.

Proses kedua ialah, setelah selesai di bahagian Jabatan Pentadbiran, mereka perlu pergi ke bahagian penyiasatan dan pendakwaan. Pasangan diminta menyediakan dua salinan sijil nikah luar negara, dua salinan kad pengenalan, dua salinan sijil kelahiran isteri jika bukan berasal dari negeri berkenaan, maka pasangan perlu membawa dua salinan surat perakuan daripada pegawai daerah atau ketua kampung yang menyatakan bahawa mereka telah lama bermastautin di negeri berkenaan ketika bernikah di luar negara. Manakala bagi pasangan yang berpoligami, lelaki tersebut perlu membawa dua salinan sijil nikah isteri yang pertama. Semasa berada di bahagian ini, pegawai yang bertugas akan menyemak nama-nama pasangan yang bernikah di Thailand. Hal ini kerana setiap bulan pihak Majlis Agama Islam di Thailand akan menyerahkan nama pasangan Malaysia yang bernikah di sana. Jika didapati pasangan terbabit bernikah dengan menggunakan khidmat sindiket kahwin, maka perkahwinan mereka tidak sah dan mereka perlu bernikah semula di Malaysia.

Seterusnya proses yang ketiga ialah, jika pihak Jabatan Agama Islam di Malaysia mendapati perkahwinan mereka sah di sisi Syarak tetapi menyalahi Undang-undang Keluarga Islam, pasangan tadi akan dihadapkan ke mahkamah oleh pihak pendakwa untuk dibicarakan kes mereka. Jika disabitkan kesalahan, kedua-dua mereka akan dikenakan hukuman atau didenda.

Proses yang terakhir, selepas selesai di mahkamah, mereka dikehendaki sekali lagi pergi pejabat Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk untuk mendaftar semula perkahwinan mereka. Semasa pendaftaran semula, pasangan perlu menyediakan salinan kad pengenalan suami-isteri, satu salinan pasport antarabangsa, satu salinan sijil nikah luar negara dan satu salinan resit denda daripada Mahkamah jika bernikah tanpa kebenaran Jabatan Agama Islam.

Perkahwinan yang sah mengikut hukum syarak berdasarkan soal siasat tersebut akan didaftarkan dalam buku daftar nikah luar negara. Proses seterusnya ialah pihak terbabit akan menyediakan daftar nikah dan menyemak daftar nikah untuk memastikan tiada sebarang kesilapan sebelum ditandatangani oleh Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk dan menyerahkan daftar nikah itu kepada pemohon (Muhammad Said, 28 Jan: 2004).

KESEDIAAN PASANGAN MENDAFTARKAN PERKAHWINAN

Proses pendaftaran semula pernikahan yang agak rumit dan memakan masa yang panjang merupakan sebab utama pasangan yang berkahwin di negara jiran ini enggan mendaftarkan perkahwinan mereka di Malaysia. Dalam jadual 3 di bawah, daripada 80 responden, seramai 58 responden ingin mendaftar, 6 responden enggan mendaftar kerana berpoligami tanpa pengetahuan isteri pertama manakala baki 16 responden lagi tidak pasti samada hendak mendaftar atau sebaliknya.

Jadual 3 Kesediaan pasangan mendaftarkan perkahwinan

Kesediaan mendaftar	Bilangan	Peratus
Bersetuju untuk mendaftar	58	72.5%
Tidak bersetuju untuk mendaftar	6	7.5%
Tidak pasti	16	20%

IMPLIKASI KEENGGANAN MENDAFTARKAN PERKAHWINAN

(i) Masalah Pendaftaran Kelahiran Anak

Pernikahan kahwin lari ini bukan sahaja tidak diiktiraf, kemungkinan juga tidak sah menurut hukum syarak, sukar untuk pendaftaran semula serta dikenakan penalti, malah pasangan yang terbabit juga akan menghadapi satu lagi risiko iaitu apabila mereka melahirkan cahaya mata. Biarpun anak tersebut sah dari segi hukum syarak, namun ianya sukar

didaftarkan sebelum mereka mendaftarkan perkahwinan di negara ini secara sah terlebih dahulu. Ini memberi erti sukar untuk mendapat surat beranak sekiranya ibu bapanya tidak dapat memberi bukti perkahwinan yang sah. Lebih-lebih lagi jika anak yang pertama.

Mengikut peraturan baru yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, setiap pasangan yang akan mendaftarkan kelahiran bayi mereka hendaklah membawa bersama sijil nikah yang sah dan telah dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam negeri-negeri di Malaysia. Jika pasangan tersebut telah berkahwin di luar mukim dan membawa sijil nikah yang tidak diiktiraf maka pihak Jabatan Pendaftaran (JPN) tidak akan mendaftarkan kelahiran bayi tersebut.

(ii) Kesan Selepas Perceraian

Satu perkara lagi yang sering menimbulkan masalah ialah apabila berlaku perceraian di antara pasangan terbabit, mereka yang sering menjadi mangsa dan teraniaya dalam hal ini ialah kaum wanita. Antara kesan yang akan dihadapi ialah:

a) Tidak Boleh Menuntut Sebarang Hak

Sekiranya pernikahan secara kahwin lari tidak idaftarkan semua di negara ini, apabila berlaku perceraian, wanita atau isteri tersebut tidak akan dapat membawa kes perceraian itu untuk dibicarakan di Mahkamah. Ini adalah kerana sebelum mengesahkan perceraian tersebut, mereka hendaklah mengesahkan perkahwinan tersebut terlebih dahulu. Oleh kerana perkahwinan itu sendiri tidak dapat disahkan, maka lebih-lebih lagi perceraian tersebut. Oleh yang demikian, segala aduan mereka tidak dapat dilayan dan dilaksanakan oleh pihak berkuasa.

Secara totalnya, wanita atau isteri terbabit akan kehilangan hak mutlak mereka sebagai seorang isteri yang sah dari segi Undang-undang. Oleh yang demikian, mereka tidak boleh menuntut sebarang hak sebagai seorang isteri yang diceraikan seperti hak mut'ah, harta sepencarian, nafkah mahupun hak penjagaan anak atau hadhanah, sebagaimana yang diperolehi dan dinikmati oleh wanita-wanita yang berkahwin mengikut prosedur Undang-undang di negeri ini.

b) Tidak Boleh Berkahwin Lagi (Gantung Tak Bertali)

Apa yang menyedihkan lagi ramai di kalangan wanita yang menjadi mangsa gantung tak bertali akibat dari kahwin lari ini. Mereka ditinggalkan begitu sahaja tanpa kata putus yang pasti. Dalam hal ini, apabila si isteri ingin mengadu bahawa mereka ditinggalkan ataupun untuk menuntut cerai secara sah, mahkamah tidak dapat melakukan apa-apa tindakan kerana mereka tidak mempunyai surat nikah yang sah.

iii) Kesan Selepas Kematian

Masalah lain yang akan timbul ialah, apabila berlaku kematian mana-mana belah pihak dari pasangan tersebut. Oleh sebab tidak ada bukti perkahwinan yang sah dari segi Undang-

undang, mana-mana pihak sama ada isteri atau suami, masing-masing tidak boleh menuntut sebarang hak pusaka si mati. Bukan hanya isteri atau suami sahaja yang tidak boleh menuntut harta pusaka, malah anak-anak mereka juga akan mengalami nasib yang sama.

Masalah pembahagian harta pusaka akan timbul jika perkahwinan lari itu tidak disahkan dan didaftarkan, lebih-lebih lagi jika perkahwinan itu adalah poligami. Jika si suami yang meninggal dunia, isteri yang dikahwini secara kahwin lari itu tidak dapat membuat sebarang tuntutan pusaka melalui mahkamah kerana tidak ada bukti bahawa mereka telah berkahwin.

Hakikatnya isteri tersebut akan kehilangan hak mereka secara total kerana perkahwinan tersebut tidak didaftarkan di negara ini, walaupun dari segi syarak perkahwinan tersebut sah, tetapi ia tidak sah dari sudut Undang-undang di negeri ini yang menyebabkan mereka tidak dapat berbuat apa-apa jika sesuatu yang tidak diingini berlaku.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Dapatlah dirumuskan bahawa kahwin lari telah membawa banyak masalah kepada pentadbiran Jabatan Agama Islam dan juga masyarakat. Sekiranya dibiarkan berleluasa ia naya akan mewujudkan satu masyarakat yang porak peranda. Ini adalah kerana dari data-data serta contoh-contoh yang telah dikemukakan, dapat kita lihat perkahwinan seperti ini tidak kekal lama akibat tidak mendapat restu ibu-bapa, penganiayaan terhadap isteri pertama serta anak-anak sekiranya berpoligami tanpa kebenaran. Dengan ini lahirlah keluarga yang berpecah-belah, dendam-mendendam antara satu sama lain dan sebagainya yang mengakibatkan kesan yang negatif terhadap perkembangan keluarga itu sendiri.

Walaupun apapun yang dibincangkan di atas, didapati pasangan-pasangan yang berkahwin ini masih ingin perkahwinan mereka dianggap sah dari segi agama. Komitmen mereka terhadap ajaran Islam masih ada, walaupun sedang terhakis.

Masalah pelanggaran undang-undang adalah masalah yang berlaku dalam semua perkara, bukanlah hanya terhad kepada masalah perkahwinan sahaja. Semua orang ingin masalah yang mereka hadapi diselesaikan dengan secepat mungkin. Bagaimanapun undang-undang yang ada bukanlah bertujuan memberi kemudahan kepada beberapa orang atau kumpulan sahaja. Ia perlu dilaksanakan secara umum bagi menyelesaikan masalah masyarakat keseluruhannya.

Peraturan-peraturan dan prosedur perkahwinan yang sedia ada pada hari ini tidaklah begitu ketat dan menyusahkan. Ini adalah kerana Enakmen dan akta Undang-Undang Keluarga Islam yang diseragamkan di seluruh negeri telah digubal sebegitu rupa semata-mata untuk menjaga kebaikan dan kesejahteraan keluarga terutamanya anak-anak yang tidak berdosa. Begitu juga isteri-isteri yang sedia ada tidak dianiayai. Peraturan yang ada sebelum ini adalah tidak seragam malah bagi setengah-setengah negeri, seorang yang hendak berpoligami. Walaupun mampu dan memenohi syarat-syarat hukum syarak, diwajibkan mendapat persetujuan serta tanda tangan atau cap ibu jari isteri pertama. Enakmen dan Akta Undang-Undang Keluarga

Islam yang baru ini tidaklah sampai ke tahap itu. Apa yang lebih penting ialah semua pihak yang terlibat perlu kepada kesabaran dan bertolak-ansur demi kebaikan semua pihak.

Oleh yang demikian langkah-langkah yang tegas perlu diambil bagi mengelakkan atau sekurang-kurangnya mengurangkan masalah kahwin tanpa kebenaran ini berlaku. Berikut disenaraikan beberapa cadangan yang boleh diberi perhatian khususnya kepada pihak berkuasa dan masyarakat Islam umumnya.

1. Hukuman yang lebih ketat perlu diperkenalkan untuk memberi pengajaran kepada pasangan-pasangan lain yang mungkin mempunyai hasrat berbuat demikian. Buat masa sekarang semua negeri memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM1000 atau 6 bulan penjara atau kedua-duanya sekali (Seksyen 40 Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984, Seksyen 32(2) Enakmen Keluarga Islam Negeri Kedah 1979 dan Seksyen 100(2) Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan 1983). Hukuman ini jauh lebih rendah dari bidangkuasa Mahkamah Syariah yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan (Jadual ke Sembilan, Senarai Dua) yang memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi 3 tahun, denda tidak melebihi RM3000 dan sebat tidak melebihi 6 sebatan.

2. Anggapan bahawa semua perkahwinan walau di manapun ia dilakukan adalah sah menurut hukum syarak perlu diperjelaskan. Oleh kerana perkahwinan ini kadang-kadang diuruskan oleh penganjur yang tujuannya tidak lain melainkan untuk mengaut keuntungan, maka peruntukan undang-undang yang jelas perlu diwujudkan bagi mengenakan hukuman yang lebih berat terhadap mereka. Mungkin hukuman penjara secara mandatori adalah sesuai untuk membenteras gejala yang tidak sihat ini.

3. Ibu-bapa atau wali pihak perempuan perlulah berfikir, bersikap dan bertindak secara rasional apabila anak-anak mempunyai calon pilihannya sendiri. Bapa atau datuk tidak perlu ego dengan kuasa wali mujbir yang dimilikinya. Wali juga tidak perlu bersikap keras dengan pilihannya sahaja kerana dia perlu memikirkan implikasi terhadap tindakan kerasnya itu. Sekiranya pilihan anaknya itu munasabah dan tidak keterlaluan manakala calon suami pilihan anaknya juga sekufu dengannya, maka ia haruslah diberi persetujuan. Mengikut Syariat Islam pasangan berkenaan boleh mengadu kepada Hakim atau Kadi jika pasangan berkenaan sekufu dan dilantik Wali Hakim.

4. Ibu-bapa pengantin perempuan juga perlu bersikap rasional apabila menetapkan bayaran maskahwin dan hantaran yang perlu disediakan oleh pengantin lelaki. Dengan menetapkan perbelanjaan yang tinggi, mereka bukan sahaja mendedahkan pasangan kekasih itu untuk mencari jalan alternatif untuk berkahwin, malah mungkin juga akan mendedahkan pasangan tersebut kepada gejala maksiat sekiranya keinginan mereka untuk berkahwin tidak dapat dibendung lagi.

5. Maklumat yang jelas mengenai hukum-hukum perkahwinan perlu disebarkan kepada orang ramai terutamanya remaja Islam. Ia perlu dilakukan dalam pelbagai media yang boleh sampai kepada mereka. Pihak Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pendidikan Tinggi perlu

memikirkan untuk memasukkan aspek ini dalam kurikulum pendidikan di sekolah-sekolah dan institusi –institusi pengajian tinggi di negara ini. Pihak Perubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang selama ini memperjuangkan hak-hak wanita perlu mengambil inisiatif untuk memberi kefahaman kepada para remaja tentang konsep perkahwinan yang sebenar serta prosedur yang perlu mereka ikuti jika mereka telah bersedia untuk berkahwin.

6.Kajian menunjukkan masih ramai masih ramai pasangan yang berkahwin di negara jiran belum mendaftarkan semula perkahwinan mereka di Pejabat Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk di Malaysia. Ini disebabkan oleh proses pendaftaran semula itu sendiri amat menyusahkan selain pasangan itu sendiri akan dihadapkan ke Mahkamah Syariah. Justeru, dicadangkan supaya kerajaan Malaysia dengan persetujuan pihak berkuasa negeri-negeri mungkin boleh memikirkan untuk mengadakan Program Pemutihan di mana pasangan-pasangan yang sudah berkahwin sehingga tarikh tertentu tapi belum mendaftarkan semula dibenarkan mendaftar tanpa dihadapkan ke Mahkamah Syariah serta tidak dikenakan hukuman. Walau bagaimanapun mereka perlu mengikut peraturan dan prosedur sedia ada bagi memastikan perkahwinan yang mereka jalani itu sah di sisi syarak.

RUJUKAN

- Abdul Latif Muda dan Rosmawati Ali @ Mat Zain. 1997. **Pengantar Fiqh**. Kuala Lumpur. Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah persekutuan* 1984.
- Bakusyi .Yahya Muhammad. 1986. **Fiqh Imam Jabir bin Zaid**. T.tp. : Dar al-Gharbiy al-Islamiy.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Kedah*. 1979.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Kelantan* 1983.
- Jawatankuasa Fatwa Negeri Kelantan, **Himpunan fatwa Mufti Kerajaan Kelantan**. Kota Bharu : Yayasan Islam Kelantan.
- Kamus Dewan*. 1998. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Nawawiy, Abu Zakariya yahya bin Sharaf. 1992. **Minhaj al-Thalibin**. Beirut : Dar al-Fikr.
- Mohd. Akhir Hj. Yaacob dan Siti Zalikah Md. Nor. 1989. **Beberapa Aspek Mengenai Enakmen Keluarga Islam**. Kuala Lumpur. Al-Rahmaniah.
- Noraini Md. Hashim. 2003. Kahwin lari: satu tinjauan umum. **Seminar isu-isu mahkamah syariah** iv. Gombak : Uni. Islam Antarabangsa Malaysia.
- Normala Hamzah. 2001. Kahwin di Thailand Tidak Mudah Yang Di sangkakan. **Wanita**. Oktober: 70-72.
- Mahmud Shaltut. 1983. **al-Fatawa li al-imam al-akbar Mahmud Shaltut**. Beirut : Dar al-Shuruq al-Tab'ah al-Thawiyyah al-Sharata.